

# **Kertas Bil. 14/2019**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN  
NEGERI SELANGOR BERKENAAN ISU SISTEM  
PANTAUAN KAWASAN OLEH PIHAK  
BERKUASA TEMPATAN**

---

# **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN ISU SISTEM PANTAUAN KAWASAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

## **1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 68B (1) – (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JP PBT) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Keempat Belas Tahun 2019 pada 29 – 31 Julai, 1 - 2 Ogos dan 5 – 9 Ogos 2019.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 JP PBT telah mengadakan satu pendengaran tertutup pada 2 April 2019 dengan tiga Pihak Berkuasa Tempatan terpilih iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) (“*PBT-PBT tersebut*”) berkenaan kaedah pemantauan serta pengurusan masalah/aduan. PBT-PBT tersebut dipilih kerana mempunyai antara kepesatan penduduk yang paling tinggi di Selangor, dan juga merupakan antara PBT yang dikira paling maju. Memandangkan keluasan tajuk dan untuk memfokuskan pendengaran tersebut, PBT-PBT tersebut diminta memberi taklimat dari segi pengurusan perparitan, trafik, jalan berlubang, lampu jalan dan infrastruktur-infrastruktur lain.
- 2.2 PBT-PBT tersebut juga dibenarkan menjemput Ahli-Ahli Majlis daripada Jawatankuasa Infrastruktur masing-masing dan dua orang wakil penduduk.

- 2.3. Tujuan pendengaran tertutup adalah untuk mengenal pasti sama ada PBT-PBT mempunyai sistem yang proaktif untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah, dan jika ada, tahap kebergantungan PBT-PBT kepada sistem proaktif tersebut.
- 2.4. Siasatan ini diwujudkan akibat ketidakpuasan orang awam yang berasa bahawa tiada sistem pemantauan, rondaan dan penguatkuasaan yang cukup menyeluruh dalam Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk Pihak Berkuasa Tempatan yang terlalu bersandar kepada aduan, terdapat juga perasaan di kalangan penduduk bahawa mereka seolah-olah mengambil alih tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjalankan kerja pemantauan, rondaan dan penguatkuasaan.
- 2.5. Ahli Jawatankuasa yang terlibat ialah:
- 1) Y.B. Puan Daroyah binti Alwi  
(ADN Kawasan Sementa)
  - 2) Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri  
(ADN Kawasan Pelabuhan Klang)
  - 3) Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze  
(ADN Kawasan Subang Jaya)
  - 4) Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah  
(ADN Kawasan Seri Kembangan)
  - 5) Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor  
(ADN Kawasan Kota Damansara)
  - 6) Y.B Tuan Halimey bin Abu Bakar  
(ADN Kawasan Seri Setia)
  - 7) Y.B Tuan Zakaria bin Hanafi  
(ADN Kawasan Semenyih)

### **3. PENDENGARAN TERTUTUP**

#### **3.1 Am**

- 3.1.1. Ketiga-tiga PBT yang dipanggil mempunyai saluran pelbagai untuk orang awam menghantar aduan. Contohnya atas talian, melalui aplikasi, *whatsapp*, telefon, e-mel, surat, melalui ahli majlis dan lain-lain.
- 3.1.2. Secara am, aduan yang diterima akan direkodkan dalam sistem oleh Unit Aduan. Selepas itu, aduan akan disalurkan kepada jabatan-jabatan berkenaan untuk tindakan seterusnya yang termasuk mengadakan mesyuarat, lawatan tapak, pengeluaran arahan kerja, pengeluaran notis/kompaun, melakukan tindakan pemberian secara inden/sebut harga/tender dan lain-lain.
- 3.1.3. Aduan yang selesai akan direkodkan dalam sistem dan ditutup.

#### **3.2 Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)**

- 3.2.1. MBPJ telah wujud sistem LAIDAR yang merupakan satu sistem pengurusan aset jalan. Sistem LAIDAR akan mempunyai rekod pendaftaran dan pemetaan aset alih dan tak alih MBPJ dan sedang dikemas kini agar MBPJ dapat memastikan rekod penambahan atau penyelenggaraan yang telah, sedang dan akan dibuat. Sistem ini merupakan *dashboard* yang akan dipaut dengan sistem PJ Smart City.

3.2.2. Apabila ditanya sama ada MBPJ mempunyai sistem yang lebih proaktif untuk mengenal pasti kerosakan, MBPJ juga memaklumkan bahawa mereka mempunyai satu ‘*Multitasking Team*’.

### **3.3. Majlis Perbandaran Klang (MPK)**

3.3.1. MPK adalah antara Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai jadual pemantauan dan pemeriksaan berkala untuk merekodkan kerosakan jalan, bonggol dan lampu awam. Tujuannya adalah untuk mendapat maklumat kerosakan dan mengambil tindakan pembaikan sebelum aduan disalurkan atau sebelum berlaku kerosakan yang lebih teruk.

### **3.4. Majlis Perbandaran Subang Jaya**

3.4.1. MPSJ mempunyai mesyuarat pemantauan aduan yang diadakan dua kali sebulan yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Korporat / Penolong Pengarah Korporat dan dihadiri oleh Pegawai Perhubungan Aduan Jabatan yang telah dilantik.

3.4.2. MPSJ juga mempunyai mesyuarat pemantauan khas, jika perlu, yang dipengerusikan oleh Timbalan Yang Dipertua dan di mana ahli mesyuarat terdiri daripada Ketua Jabatan atau Wakil Jabatan.

3.5 Pada akhir pendengaran tertutup, PBT-PBT tersebut diminta untuk menghantar maklumat tambahan berkenaan *multitasking team*, jika ada, yang merangkumi maklumat-maklumat berikut:-

3.5.1 jumlah keanggotaan dalam pasukan;

3.5.2. susunan keanggotaan;

3.5.3 jadual pantauan/rondaan, termasuk kekerapan;

3.5.4. sistem pantauan sama ada kerja dilakukan.

#### **4. MAKLUMAT BERKENAAN MULTITASKING TEAM**

##### **4.1 Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

4.1.1. MBPJ telah melaksanakan pendekatan baru yang lebih proaktif bagi mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan melalui penugasan tambahan secara “multitasking” kepada anggota penguat kuasa bermula pada tahun 2019.

4.1.2. Tugasan melibatkan pengumpulan maklumat-maklumat awal untuk tindakan sebelum ia dikemukakan oleh orang awam sebagai aduan kepada pihak Majlis.

4.1.3. Tiada unit khas ditubuhkan, namun anggota penguat kuasa sedia ada yang bertugas di lapangan bertindak sebagai “serampang dua mata” semasa tugas-tugas rondaan mengikut zon di kawasan Petaling Jaya.

4.1.4. Enam (6) unit kenderaan peronda MBPJ digunakan bagi tugas-tugas rondaan. Format pelaporan adalah berdasarkan borang yang disediakan di bilik Pusat Kawalan. Lebih kurang 10 orang anggota penguat kuasa daripada Unit Trafik ditugaskan sebagai tugas tambahan dan setiap maklumat berkaitan disalurkan kepada Unit Pusat Kawalan untuk pengagihan mengikut jabatan terlibat melalui memo dan e-mel. Format pelaporan tersebut boleh ditambah baik dengan menggunakan teknologi.

4.1.5. Dalam tahun 2018, *Multitasking Team* tersebut telah merekodkan 1075 masalah, berbanding dengan sistem aduan yang mencatat 4691 aduan yang diterima.

#### **4.2 Majlis Perbandaran Klang**

4.2.1. Seperti dibentangkan di butir 3.3.1., MPK mempunyai sistem dan pasukan pantauan. Namun, apabila ditanya semasa pendengaran tutup, JP PBT dimaklumkan bahawa tugasan dijalankan secara *ad hoc* dan tumpuan diberikan kepada kawasan-kawasan bermasalah. Ini bermaksud mungkin terdapat kawasan-kawasan yang tercicir.

#### **4.3 Majlis Perbandaran Subang Jaya**

4.3.1. MPSJ mempunyai pasukan pemantauan mengikut unit-unit tertentu, contohnya unit jalan, unit lampu dan unit saliran dalam Jabatan Kejuruteraan.

4.3.2. Walau bagaimanapun, didapati bahawa pemantauan yang dilakukan kebanyakan bersandar kepada aduan, dan pantauan akan dibuat oleh pasukan tersebut atas tindakan susulan aduan itu.

### **5. PENEMUAN JAWATANKUASA**

5.1. Terdapat secara am, tiga cara penyelesaian masalah:-

5.1.1. Cara Reaktif – iaitu cara yang bersandar kepada aduan daripada pihak ketiga atas kerosakan atau kesalahan yang ditemui.

5.1.2 Cara Proaktif – iaitu sistem yang diwujudkan dalam Pihak Berkuasa Tempatan untuk menemui kerosakan atau kesalahan dan mengambil tindakan sewajarnya *sebelum* ia dikemukakan sebagai aduan.

5.1.3. Cara Preventif – iaitu sistem yang diwujudkan dalam Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengambil tindakan *sebelum* kerosakan atau kesalahan berlaku.

- 5.2. Jawatankuasa berpendapat bahawa Pihak Berkuasa Tempatan terlalu bergantung kepada sistem reaktif.
- 5.3. Jawatankuasa juga berpendapat bahawa pasukan pemantauan / “*multi-tasking team*” (jika ada) tidak memenuhi potensinya.

## 6. SARANAN

1. Kerajaan Negeri memastikan supaya setiap Pihak Berkuasa Tempatan mendirikan satu Unit Khas untuk mengenal pasti masalah, membuat rondaan dan membuat penguatkuasaan atas setiap kesalahan dan kerosakan yang ditemui.
2. Unit Khas ini dipertanggungjawab membuat rondaan pantauan dan membuat penguatkuasaan untuk semua termasuk tetapi tidak terhad kepada masalah bangunan, kerja ubah suai tidak sah, mengenal pasti kereta terbengkalai, kesalahan trafik, pembuangan sampah secara haram, masalah kebersihan dan keselamatan premis awam dan persendirian, kerosakan infrastruktur, kacau ganggu dan semua kategori aduan lain. Masalah-masalah yang ditemui akan seterusnya disalurkan kepada jabatan berkenaan untuk tindakan susulan.
3. Cara Unit Khas tersebut diwujudkan tertakluk kepada dana, sumber manusia dan struktur organisasi sedia ada Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing, antara cara Unit Khas tersebut boleh didirikan adalah seperti berikut:-

- a. Unit Khas boleh terdiri daripada pegawai-pegawai setiap jabatan berkenaan yang mempunyai pengetahuan tentang peruntukkan undang-undang dan garis panduan yang mengawal kesalahan-kesalahan tersebut. Pegawai Unit Khas tersebut tidak perlu jawatan khas, dan boleh ditubuhkan dengan menjajar semula sumber manusia sedia ada.
  - b. Secara alternatif, bagi Pihak Berkuasa Tempatan yang sudah mempunyai pasukan yang mempunyai ciri-ciri umpama Unit Khas yang dicadangkan, pasukan tersebut boleh dimantapkan dengan menambah pengetahuan pegawai Unit Khas tersebut dengan peruntukkan undang-undang dan garis panduan setiap jabatan supaya kerja yang dilakukan boleh lebih menyeluruh, menjadualkan kawasan yang perlu di ronda dan menyenangkan sistem laporan bagi Unit Khas tersebut.
  - c. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai sumber yang mencukupi, Ahli Jawatankuasa juga mencadangkan bahawa Unit Khas tersebut juga boleh *outsource* tugas tersebut kepada sebuah syarikat.
4. Unit khas ini diletakkan di bawah dan melapor terus kepada YDP atau Datuk Bandar PBT.
5. Pihak Berkuasa Tempatan perlu menjadualkan kawasan yang perlu di ronda unit khas setiap hari. Sasaran Pihak Berkuasa Tempatan adalah untuk memastikan setiap jalan di ronda dalam masa tertentu. Dengan adanya jadual, Pihak Berkuasa Tempatan dapat memantau sama ada kerja pantauan tersebut dilakukan, dan juga dapat memastikan supaya tiada kawasan yang tercincir daripada pengawasan.

6. Bagi memastikan pegawai-pegawai menjalankan tugas seperti dijadualkan, Pihak Berkuasa Tempatan boleh muat turun aplikasi sedia ada di laman web ke dalam telefon pegawai bertugas untuk menyemak penjejakan.
7. Sistem pelaporan untuk Unit Khas perlu efisien. Pihak Berkuasa Tempatan boleh menggunakan aplikasi aduan dan menambah suatu *feature* untuk Unit Khas merekodkan masalah yang dijumpai. Ini akan mengurangkan kertas kerja dan menambah cepat urusan Unit Khas tersebut.
8. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan yang telah mendirikan dan memantapkan Unit Khas yang dicadangkan, unit aduan yang menerima aduan daripada orang awam yang sudah dalam tindakan akibat penemuan unit khas boleh maklum kepada pengadu bahawa isu yang dibangkitkan “*sudah ditemui Unit Khas dan adalah dalam tindakan*”. Cara berkomunikasi yang dicadangkan akan meningkatkan kepercayaan orang awam kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

## 7. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-PBT di mesyuarat Jawatankuasa pada 27 Jun 2019.

Disahkan oleh:



**Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI**

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan  
(JP-PBT)

## **AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT):

- |    |   |           |
|----|---|-----------|
| 1) | Y.B. Puan Daroyah binti Alwi<br>(ADN Kawasan Sementa)             | Pengerusi |
| 2) | Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri<br>(ADN Kawasan Pelabuhan Klang) | Ahli      |
| 3) | Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze<br>(ADN Kawasan Subang Jaya)        | Ahli      |
| 4) | Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah<br>(ADN Kawasan Seri Kembangan)       | Ahli      |
| 5) | Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor<br>(ADN Kawasan Kota Damansara)      | Ahli      |
| 6) | Y.B Tuan Halimey bin Abu Bakar<br>(ADN Kawasan Seri Setia)        | Ahli      |
| 7) | Y.B Tuan Zakaria bin Hanafi<br>(ADN Kawasan Semenyih)             | Ahli      |

## **URUS SETIA**

- 1) Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
Setiausaha Bahagian Dewan
- 2) Encik Muhajirih bin Ahmad  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- 3) Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha Pejabat (Dewan)
- 4) Encik Ahmad Salami bin Zakuan  
Penyelidik Pejabat Speaker
- 5) Encik Abdul Muiz bin Azmi  
Penyelidik Pejabat Speaker

